

4300017151

183555



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUMS99:1

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Segarali pendidikan Muisuloh di Daerah Papar,  
Sabah: Sekolah St. Joseph, Papar. (1881 - 1975)

IJAZAH: SERTAMA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA Julia Thien SESI PENGAJIAN: 2009  
 (HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

 SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

 TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

 TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:

Tarikh: 11 Mei 09

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

PERPUSTAKAAN UMS

bagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara  
 rtai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana



1400017151



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **SEJARAH PENDIDIKAN MUBALIGH DI DAERAH PAPAR, SABAH: SEKOLAH ST. JOSEPH, PAPAR (1881-1975)**

**JULIA THIEN**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Latihan Ilmiah ini Dikemukakan untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat-syarat bagi Ijazah  
Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian dalam  
Bidang Sejarah**

**PROGRAM SEJARAH  
SEKOLAH SAINS SOSIAL  
2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGAKUAN PELAJAR

Latihan Ilmiah/Tesis yang bertajuk "Sejarah Pendidikan Mubaligh Di Daerah Papar, Sabah: Sekolah St. Joseph, Papar (1881-1975)" ini adalah hasil kerja saya sendiri dengan segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya...."



JULIA THIEN

HA2006-2655

11 MEI 2009




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN PENYELIA

Latihan Ilmiah ini bertajuk "Sejarah Pendidikan Mubaligh Di Daerah Papar, Sabah: Sekolah St. Joseph, Papar (1881-1975)", yang telah disediakan oleh Julia Thien bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh,



**(Encik Bilcher Bala)**  
**Penyelia Latihan Ilmiah,**  
**Sekolah Sains Sosial**

Tarikh: 5/10/2009



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA  
SABAH

## PENGHARGAAN

Penulis amat bersyukur kepada Tuhan kerana atas rahmatnya penulis telah berjaya menghasilkan penulisan ini. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih khususnya kepada En. Bilcher Bala selaku penyelia yang telah banyak membimbing dan memberi kritikan yang bernes dalam menyempurnakan Latihan Ilmiah ini.

Kepada pensyarah-pensyarah Program Sejarah seperti Profesor Dr. Sabihah Osman, En. Baszley Bee Bin Basrah Bee, En. Mohd Shauki Mohd Radzi, En. Mohd Saffie B. Abd Rahim dan En. Mosli Bin Tarsat, penulis turut merakamkan rasa terima kasih di atas sumbangan ilmu sehingga penulis dapat menamatkan pengajian tahun kepujian.

Tidak lupa juga kepada kakitangan-kakitangan di Perpustakaan Sains Sosial (UMS), Perpustakaan Negeri Sabah dan Perpustakaan Arkib Muzium Negeri Sabah, khususnya Encik Abdul Harun Osman, penulis merakamkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan kepada penulis.

Jutaan terima kasih juga khas buat Mamy, Dady, abang, kakak, Saudara David dan Auntie Flory Victorinus atas berkat doa dan sokongan serta dorongan kalian dalam menjayakan Latihan Ilmiah ini justeru kejayaan pengajian penulis keseluruhannya.

Akhir kata, penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan iaitu khasnya buat Shila, Awang, Helmi, Shima, Mei Jiun dan Jovie.

Sekian, Terima Kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini ialah mengenai konsep dan sejarah pendidikan mubaligh yang wujud di negeri Sabah. Secara khususnya meneliti perkembangan Sekolah St. Joseph, iaitu antara sekolah-sekolah mubaligh di Daerah Papar. Tinjauan kajian ini meliputi aspek-aspek pendidikan agama dan pendidikan sekular yang dimainkan oleh sekolah ini di samping menerangkan peranan Mualigh Kristian dalam kegiatan pendakwahan Kristian di kalangan penduduk tempatan. Perkembangan pendidikan Sekolah Mualigh ini dapat menjadi satu contoh gambaran tujuan dan matlamat pendidikan mualigh di Sabah dan titik permulaan masyarakat tempatan dalam menerima pendidikan sekular. Kaedah yang digunakan semasa menjalankan kajian ini ialah penyelidikan arkib dan Kaedah perpustakaan bagi mendapatkan sumber primer dan sumber sekunder. Kaedah temu bual juga dilakukan untuk mengetahui reaksi masyarakat tempatan terhadap kewujudan penyebaran sumbangan Sekolah Mualigh ini. Secara keseluruhannya, pendidikan mualigh dilihat telah berjaya mengubah sebahagian corak kehidupan penduduk tempatan. Perubahan yang wujud boleh dilihat dari aspek ekonomi, sosial mahupun politik masyarakat Daerah Papar.



## **ABSTRACT**

### **HISTORY OF MISSIONARIES SCHOOL IN PAPAR DISTRICT, SABAH: ST. JOSEPH, PAPAR SCHOOL (1881-1975)**

*This research is undertaken to studies in-depth about the concept and the history of Missionaries School which exists at Sabah. This research expressly focuses on the development of St. Joseph Missionaries School, Papar. In this research, religion knowledge and secular education play the important role in the Missionaries School for dissemination religion to the villager. It eventually becomes the benchmarking among the Missionaries School in Sabah. Moreover, those Missionaries school also had encouraged the village start to accept the education studies. Thus, primer data and secondary data are referring from library method and archives research. So, it provides with the crucial materials to finish this research. Besides libraries, interviews also one of the method used to see the villager's react and respond towards the dissemination of Christian religion and role of the Missionaries School in Papar district. In the end of this research, Missionaries School help changed the overall of Papar society in term of the standard of living, economics perspective, political and the social standard.*



## **KANDUNGAN**

Pengakuan Pelajar	i
Pengesahan Penyelia	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
<i>Abstract</i>	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Singkatan	xii

### **BAB 1 : PENDAHULUAN**

1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	1
1.2 Objektif	1
1.3 Sorotan Literatur	2
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Metodologi Kajian	7
1.7 Pembahagian Bab	8
1.8 Rumusan	8

### **BAB 2 : SEJARAH KEDATANGAN AGAMA KRISTIAN DI DAERAH PAPAR**

2.0 Pengenalan	9
2.1 Sejarah Pertapakan Agama Kristian di Sabah	9
2.2 Sejarah Daerah Papar	12
2.3 Sejarah Pertapakan Awal Gereja Roman Katolik di Daerah Papar	14
2.4 Catatan Awal Sejarah Mission di Daerah Papar	17



2.4.1 Mission Simpudu	17
2.4.2 Mission Kinuta	18
2.4.3 Mission Limbahau	23
2.5 Konsep Pendidikan Mubaligh	26
2.5.1 Sejarah Pembukaan Sekolah Mubaligh Terawal di Daerah Papar	28
2.6 Rumusan	33

### **BAB 3 : SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH ST. JOSEPH, PAPAR**

3.0 Pengenalan	35
3.1 Sejarah Penubuhan Sekolah Mubaligh St. Joseph, Papar	35
3.2 Sistem Pendidikan Mubaligh Sekolah St. Joseph, Papar	40
3.3 Peranan Kerajaan Dalam Perkembangan Sekolah Mubaligh	43
3.4 Pembukaan Cawangan Sekolah St. Joseph, Papar	46
3.4.1 Sejarah Penubuhan Sekolah Cina St. Joseph, Papar	46
3.4.2 Sejarah Penubuhan Sekolah Menengah St. Joseph, Papar	50
3.5 Rumusan	56

### **BAB 4 : REAKSI MASYARAKAT DAERAH PAPAR**

4.0 Pengenalan	57
4.1 Reaksi Masyarakat Daerah Papar Terhadap Agama Kristian Roman Katolik	57
4.2 Reaksi Masyarakat Daerah Papar Terhadap Pendidikan Mubaligh	62
4.3 Sumbangan Pendidikan Mubaligh	65
4.3.1 Aspek Ekonomi	67
4.3.2 Aspek Sosial	68
4.3.3 Aspek Politik	69
4.4 Pencapaian Sekolah Mubaligh St. Joseph, Papar	70
4.4.1 Bidang Akademik	70



4.4.2 Bidang Sukan	73
4.5 Rumusan	76
<b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>	<b>77</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>82</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>87</b>

## **SENARAI JADUAL**

<b>Senarai</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 2.1	Senarai Paderi yang pernah menyumbangkan pertumbuhan Mission Katolik St. Patrik Kinuta (PAKITAB).	22
Jadual 2.2	Guru-guru dan paderi Sekolah Mubaligh Kinuta.	33
Jadual 3.1	Senarai Paderi yang pernah menyumbang kepada pertumbuhan Mission Katolik St. Joseph, Papar.	39
Jadual 3.2	Senarai nama guru besar yang pernah bertugas di Sekolah St. Joseph, Papar.	42
Jadual 3.3	Jumlah pemberian ' <i>grant</i> ' kepada sekolah mubaligh mengikut darjah 1913 sehingga 1928.	45
Jadual 4.1	Bilangan penganut Katolik di Sabah 1976.	61



## SENARAI RAJAH

<b>Senarai</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Gambar 2.1	Mission Kinuta, Papar 1890.	19
Gambar 2.2	Gereja lama St. Patrick yang dibina oleh Rev. Fr. William, 1902.	21
Gambar 2.3	Rev. Fr. Aloysius Gossen.	24
Gambar 2.4	Gereja Holy Rosary Ke-3 (1902) dibina oleh Fr. Aloysius L. Gossen.	25
Gambar 2.5	Mata pelajaran ' <i>Health Sciences</i> ' yang diajar di Sekolah Mission St. Patrick Kinuta pada tahun 1970.	27
Gambar 2.6	Mata pelajaran ' <i>Arithmetic</i> ' yang diajar di Sekolah Mission St. Patrick Kinuta, Papar pada tahun 1970.	28
Gambar 2.7	Bangunan Sekolah Mission St. Patrick Kinuta, Papar pada tahun 1902.	29
Gambar 2.8	Pelan bangunan Sekolah Mission St. Patick Kinuta, Papar pada tahun 1902.	30
Gambar 3.1	Gereja St. Joseph, Papar pada tahun 1939 yang terletak di belakang Sekolah Mubaligh St. Joseph, Papar.	36
Gambar 3.2	Sekolah Cina St. Joseph, Papar pada tahun 1951.	48
Gambar 3.3	Fr. J. B. Coogan	49
Gambar 3.4	Rev. Fr. J. M. A. Klijn bersama pelajar-pelajar tingkatan satu pada tahun 1953.	50
Gambar 3.5	'Blok Rainer' semasa pembinaannya pada tahun 1961.	53
Gambar 4.1	Majlis Perasmian bangunan baru Sekolah Cina St. Joseph, Papar pada tahun 1951.	65
Gambar 4.2	Datu Donald Stephens dikelilingi murid-murid Sekolah St. Joseph	71

di Papar.

**Gambar 4.3** Koh Chee Chong merupakan salah seorang pelajar cemerlang Sekolah Menengah St. Joseph, Papar pada tahun 1970-an. 73

**Gambar 4.4** Soo Chong Peng, Olahragawati Sekolah Menengah St. Joseph, Papar. 75

## **SINGKATAN**

<b>Br</b>	Brother
<b>En</b>	Encik
<b>Fr</b>	Father
<b>KAN</b>	Ketua Anak Negeri
<b>Kg</b>	Kampung
<b>Km</b>	Kilometer
<b>LCE</b>	Lower Certificate Education
<b>MCE</b>	Malaysian Certificate of Education
<b>Msgr</b>	Monsinyur
<b>PAKITAB</b>	Mission Katolik St. Patrik Kinuta
<b>RC</b>	Roman Katolik
<b>Rev</b>	Reverend
<b>SBBUB</b>	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
<b>SMK</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan
<b>SRK</b>	Sekolah Rendah Kebangsaan
<b>SRJK</b>	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
<b>Sr</b>	Sister
<b>St</b>	Saint



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Kajian ini ialah mengenai konsep dan sejarah pendidikan mubaligh yang wujud di negeri Sabah dan secara khususnya meminjam proses perkembangan Sekolah St. Joseph, iaitu antara sekolah-sekolah mubaligh di Daerah Papar. Tinjauan kajian ini turut meliputi aspek-aspek pendidikan agama dan pendidikan sekular yang dimainkan oleh sekolah ini serta peranan dalam kegiatan pendakwahan Kristian di kalangan penduduk tempatan. Terlebihnya dahulu, bab ini secara khususnya menyentuh tentang permasalahan kajian, objektif kajian, tinjauan kajian lepas, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, serta pembahagian kajian ini.

#### 1.1 Permasalahan Kajian

Perkembangan pendidikan Sekolah Mubaligh di Daerah Papar menjadi titik permulaan masyarakat tempatan dalam menerima pendidikan sekular. Sumbangan pendidikan mubaligh ini dilihat telah berjaya mengubah sebahagian corak kehidupan penduduk di Daerah Papar dari aspek ekonomi, sosial mahupun politik masyarakat Daerah Papar. Oleh itu, dalam mengkaji kajian ini pelbagai persoalan yang timbul untuk memperlengkapkan kajian. Dalam kajian ini, terdapat tiga permasalahan utama yang ingin dikemukakan. Pertama, apakah konsep pendidikan mubaligh yang dibawa masuk oleh kuasa penjajah British di tanah-tanah jajahan. Kedua, bagaimanakah sekolah-sekolah mubaligh menyumbang kepada pembangunan pendidikan di kalangan masyarakat tempatan di Sabah. Ketiga, apakah perubahan yang berlaku dan kesannya terhadap masyarakat tempatan di Daerah Papar.

#### 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan mengenai ciri-ciri pendidikan mubaligh berasaskan proses perkembangan Sekolah St. Joseph, di Daerah Papar. Perkembangan pendidikan di sekolah ini dapat menjadi satu contoh dalam menggambarkan tujuan dan matlamat pendidikan mubaligh di Sabah. Mustahaknya penerangan mengenai perkara tersebut dengan tujuan mendedahkan sumbangan pendidikan mubaligh yang sebenar untuk kesejahteraan masyarakat

tempatan di Sabah. Kajian ini, bukan sahaja bertujuan untuk membincangkan asal-usul perkembangan agama Kristian, tetapi juga menerangkan gereja dan Sekolah Mubaligh dalam penyebaran agama Kristian di kalangan masyarakat Daerah Papar.

### 1.3 Sorotan Literatur

Dalam melakukan kajian mengenai Sejarah Pendidikan Mubaligh di Daerah Papar, Sabah, penulisan terdahulu mengenainya adalah kurang. Sorotan literatur amatlah penting dalam usaha menghasilkan sebuah penulisan Latihan Ilmiah yang berkualiti. Justeru itu, penulis telah menggunakan sorotan literatur terdahulu terutamanya penulisan mengenai pendidikan di Malaysia. Mohd. Isa Othman dalam penulisannya yang bertajuk *Sejarah Malaysia (1880-1963)* memberi gambaran tentang sistem pendidikan yang terdapat di Malaysia.<sup>1</sup> Dalam penulisan ini, penulis hanya menyentuh serba sedikit tentang pendidikan di Sabah, khususnya pendidikan Sekolah Inggeris; peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB); perkembangan Sekolah Melayu dan Sekolah Cina. Karya ini penting bagi mengambarkan keadaan sistem pendidikan yang terdapat di Sabah semasa pentadbiran SBBUB.

Sabihah Osman dalam penulisan bukunya yang bertajuk *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*<sup>2</sup> adalah penting sebagai rujukan kajian ini. Karya ini mengutarakan perkembangan pelajaran bumiputera di Sarawak semasa pemerintahan Brooke. Penulis mengulas tentang latar belakang sejarah dan masyarakat Sarawak secara ringkas. Selain itu, penulis juga menerangkan tentang perkembangan Sekolah Melayu, perkembangan sekolah-sekolah badan dakwah Kristian dan hubungannya dengan pelajaran bumiputera termasuk sambutan serta kesannya kepada masyarakat bumiputera di Sarawak. Penulisan ini meliputi jangka masa semasa pemerintahan James Brooke (1841-1868), Charles Brooke (1868-1917) dan Vyner Brooke (1917-1941) di Sarawak. Walaupun penulisan ini hanya mengutarakan perkembangan pelajaran di Sarawak, namun penulisan ini penting dalam memberi gambaran secara umum tentang kewujudan pendidikan yang tersendiri di sabah.

<sup>1</sup> Mohd. Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

<sup>2</sup> Sabihah Osman. 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalam penulisan lain, seperti Saedah Hj. Siraj (*et. al*) menerusi buku beliau yang bertajuk *Pendidikan di Malaysia*<sup>3</sup> memfokuskan tentang semua sistem pendidikan yang bermula daripada pra-sekolah sehingga ke peringkat tinggi di Malaysia. Namun, apa yang paling penting dalam hasil penulisan ini adalah penulis menyentuh tentang sejarah perkembangan sistem pendidikan yang digunakan sebelum kedatangan kolonial sehingga terbentuknya gagasan Malaysia pada tahun 1963. Hal ini menjadikan penulisan tersebut sebagai panduan untuk melihat perjalanan pendidikan di Sabah selepas tahun 1963.

Selain itu, Ismail Abdul Rahman dalam penulisannya yang bertajuk *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia* (2000)<sup>4</sup> juga merupakan rujukan asas kepada kajian ini. Penulis melihat secara dekat tentang gerakan gereja dan mengkaji pendekatan yang digunakan oleh pihak mubaligh untuk menarik hati masyarakat tempatan yang menganut mazhab Katolik. Dari segi metodologi kajian, penulis telah menggunakan pendekatan temu bual iaitu mendapatkan maklumat mengenai gereja yang tidak ditulis dan direkod hasil daripada beberapa temu bual dengan beberapa pemimpin gereja Roman Katolik. Buku ini menjadi rujukan penting dalam mengupas dengan lebih lanjut misi gerakan gereja Roman Katolik di Sabah, khususnya di Daerah Papar. Selain itu, buku ini juga adalah berkaitan dan relevan untuk mengembangkan lagi kajian ini.

Sebuah lagi penulisan yang berkaitan dengan perkembangan agama Kristian di Sabah ditulis oleh Ghazali Basri bertajuk *Gerakan Kristian*.<sup>5</sup> Penulisan ini memberi penekanan terhadap perkembangan agama Kristian dan gerakan Kristian di Malaysia. Penulisan ini menerangkan tentang perkembangan agama Kristian di Sabah serta sejarah awal kedatangan agama Kristian di Sabah secara ringkasnya tanpa menghuraikan secara mendalam. Ini mungkin penulis hanya memperlihatkan gerakan agama Kristian di Malaysia dengan secara umumnya. Buku ini penting untuk dijadikan rujukan bagi melihat kedatangan dan seterusnya perkembangan agama Kristian di Sabah yang mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan penduduk tempatan.

---

<sup>3</sup> Saedah Hj. Siraj, et. al. 1993. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

<sup>4</sup> Ismail Abdul Rahman. 2000. *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>5</sup> Ghazali Basri. 1999. *Gerakan Kristian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penulisan oleh Mat Zin Mat Kib bertajuk *Kristian di Sabah (1881-1994)* (2003) juga dilihat sebagai bahan yang berkaitan dengan perkembangan agama Kristian di Sabah.<sup>6</sup> Penulisan ini menghuraikan tentang sejarah pertapakan gereja mazhab utama Kristian yang terdapat di negeri Sabah. Antara mazhab yang dikaji adalah Anglikan, Roman Katolik, SIB, BCCM, Protestant (PCS), Yesus Benar (GYBS), dan SDA. Penulis juga memperlihatkan struktur organisasi dan pentadbiran gereja mazhab utama Kristian yang terdapat di Sabah, hubungan gereja dengan kerajaan Negeri dan pendekatan dalam pendakwahan agama Kristian di Sabah. Penulisan ini amatlah penting untuk dijadikan bahan rujukan bagi kajian ini kerana penulisan ini menyentuh tentang sejarah pertapakan gereja Roman Katolik di Daerah Papar, Sabah secara khususnya.

Sebuah lagi penulisan tentang pendidikan ditulis oleh Syed Idrus Syed Ahmad R. Santhiram bertajuk *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak (1990)*<sup>7</sup> digunakan sebagai rujukan untuk membuat kajian ini. Penulisan ini mengutarakan tentang pendidikan awal di Sarawak, iaitu pendidikan Pra-Brooke dan percubaan-percubaan awal untuk menubuhkan sekolah-sekolah Mualigh, Melayu dan Cina. Selain itu, penulis juga memperlihatkan dasar pendidikan yang dijalankan oleh keluarga Brooke, pendidikan semasa zaman pendudukan Jepun di Sarawak dan perkembangan pendidikan di bawah Koloni. Malahan, penulis juga memperjelaskan tentang sistem pendidikan di Sarawak setelah Sarawak memasuki Malaysia pada tahun 1963, iaitu ke arah integrasi sistem pendidikan kebangsaan. Walaupun penulisan tersebut hanya membincangkan tentang sistem pendidikan di Sarawak, namun ia memberi maklumat yang paling penting kepada kajian ini, terutamanya tentang dasar yang digunakan oleh kerajaan iaitu Akta Pelajaran 1961 yang cuba diintegrasikan dengan sistem pendidikan di Sarawak yang mempunyai persamaan keadaan di Sabah dan bertujuan meningkatkan sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak ke arah pembangunan kebangsaan.

Hilladzirah Bte Abd. Hamid dalam penulisan tesisnya yang bertajuk *Perkembangan Sekolah-sekolah di Jesselton (1880-1941)*<sup>8</sup> yang menerangkan perkembangan sekolah-sekolah

<sup>6</sup> Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah (1881-1994)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>7</sup> Syed Idrus Syed Ahmad R. Santhiram. 1990. *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>8</sup> Hilladzirah Bte Abd. Hamid. 1999. *Perkembangan Sekolah-sekolah di Jesselton (1880-1941)*. Kertas Kajian Jabatan Sejarah Fakulti Sastera & Sains Sosial. Universiti Malaya.

Penulisan tentang pendidikan di Malaysia ditulis oleh Sufean Hussine yang bertajuk *Pendidikan Di Malaysia*<sup>10</sup> memperlihatkan sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak dari tahun 1940 sehingga 1960 dan perkembangan pendidikan dari tahun 1957 sehingga tahun 1970 di Malaysia. Namun, penulisan ini hanya membincang tentang pendidikan sekolah mualigh secara ringkas sahaja tanpa menghurai secara terperinci. Penulisan ini penting dan relevan untuk dijadikan bahan rujukan kajian ini kerana memperlihatkan perjalanan dan perubahan yang berlaku terhadap sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak setelah bergabung dalam Malaysia pada tahun 1963.

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Penulisan tentang perkembangan pendidikan Sekolah Mualigh di Sabah kurang dikenalpasti oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Sememangnya penulisan mengenainya tidaklah ditulis secara terperinci dengan mengkhususkan sesebuah sekolah. Dengan usaha kajian ini untuk meneliti perkembangan Sekolah St. Joseph di Daerah Papar akan dapat memberikan satu gambaran yang jelas sebagai tatapan generasi akan datang. Usaha kajian ini untuk mengetahui perkembangan pendidikan Sekolah Mualigh. Adalah penting dalam memahami asas atau titik permulaan masyarakat tempatan dalam menerima pendidikan sekular.

Malahan, Sekolah kerajaan yang kemudiannya ditubuhkan adalah berdasarkan hasil daripada sumbangan pendidikan Sekolah Mualigh bagi menampung jumlah permintaan yang semakin meningkat di kalangan masyarakat tempatan. Keadaan ini menunjukkan bahawa perkembangan pendidikan Sekolah Mualigh di Daerah Papar membawa kepada pembangunan pendidikan di kalangan masyarakat tempatan.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk memberi dorongan kepada para generasi muda untuk melakukan penelitian terhadap aspek sejarah yang belum pernah diteliti, ataupun yang masih sedikit penulisan tentangnya dan mencintai sejarah bangsanya. Malah, kajian ini juga penting untuk dijadikan sebagai bahan rujukan atau referensi bagi para peneliti yang akan

---

<sup>10</sup> Sufean Hussine. 1993. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

melakukan penelitian lanjut tentang perkembangan sistem pendidikan di Sabah khususnya dan Malaysia pada umumnya.

### **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini dijalankan di Daerah Papar dengan memberi tumpuan terhadap perkembangan pendidikan Sekolah Mubaligh, khususnya sekolah St. Joseph, Papar. Skop masa bagi kajian ini adalah bermula pada tahun 1881 iaitu semasa pentadbiran SBBUB sehingga tahun 1975 kerana bermula daripada Januari 1976 sistem pendidikan di Negeri Sabah dan Sarawak telah diintegrasikan sepenuhnya dengan sistem pendidikan kebangsaan.

### **1.6 Metodologi Kajian**

Kaedah kajian yang akan digunakan dalam menyiapkan kajian ini ialah penyelidikan arkib di Arkib Negeri Sabah bagi mendapatkan sumber primer dan sekunder. Kaedah perpustakaan juga digunakan bagi mendapatkan sumber sekunder di perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Pusat Sumber Sekolah Sains Sosial, Perpustakaan Yayasan Sabah, Perpustakaan Daerah Papar, Pejabat Daerah Papar, Sekolah-sekolah Mubaligh dan Perpustakaan Kota Kinabalu serta Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

Kaedah temu bual juga dilakukan secara bersiri sehingga semua maklumat yang tepat dan rasional diperolehi. Tujuan kaedah ini digunakan adalah untuk mengetahui tentang sambutan dan reaksi masyarakat tempatan terhadap penyebaran agama Kristian dan sumbangan Sekolah Mubaligh ini dalam perkembangan pendidikan di Daerah Papar.

### **1.7 Pembahagian Bab**

Dalam kajian ini, bab pertama mengandungi latar belakang penyelidikan ini. Bab kedua mengandungi sejarah asal-usul kedatangan agama Kristian di Sabah secara umumnya dan Daerah Papar secara khususnya serta mengenai konsep pendidikan mubaligh yang dibawa masuk oleh pengaruh British dalam sistem pendidikan awal di Sabah serta sejarah penubuhan Sekolah Mubaligh yang terawal di Daerah Papar.

Bab ketiga akan membincangkan tentang sejarah perkembangan pendidikan mubaligh di Daerah Papar khususnya Sekolah St. Joseph. Selain itu, bab ini juga akan mengutarakan sistem Pendidikan Sekolah Mubaligh, peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan terhadap Pertubuhan Sekolah Mubaligh serta memperlihatkan sejarah penubuhan Sekolah Cina St. Joseph dan Sekolah Menengah St. Joseph, Papar yang merupakan hasil usaha para paderi Gereja St. Joseph, Papar yang memahami kehendak masyarakat daerah Papar yang pelbagai kaum serta membangunkan pendidikan sekular seterusnya menjalankan aktiviti pendakwahan Agama Kristian Roman Katolik di daerah Papar.

Manakala bab keempat mengandungi kajian tentang sambutan dan reaksi masyarakat di daerah tersebut terhadap pendidikan mubaligh. Selain itu, bab ini juga akan memperlihatkan sumbangan Sekolah Mubaligh terhadap kehidupan seharian masyarakat di daerah Papar serta pencapaian sekolah-sekolah St. Joseph, Papar. Bab yang terakhir iaitu bab kelima adalah rumusan bagi kajian ini.

## **1.8 Rumusan**

Kajian ini penting dalam memahami asas atau titik permulaan masyarakat tempatan dalam menerima pendidikan sekular. Usaha ini juga dapat menyumbangkan kepada sejarah pendidikan di Sabah. Walaupun terdapat pelbagai masalah dalam kajian dilakukan, tetapi usaha yang bersungguh-sungguh akhirnya berjaya menghasilkan satu hasil sejarah yang menyakinkan pada peringkat ini.

## BAB 2

### SEJARAH KEDATANGAN AGAMA KRISTIAN DI DAERAH PAPAR

#### 2.0 Pengenalan

Bab ini akan menyentuh tentang sejarah pertapakan agama Kristian di Sabah secara umumnya. Selain itu, bab ini juga akan menerangkan sejarah kedatangan agama Kristian Roman Katolik di daerah Papar dan menerangkan peranan mubaligh-mubaligh Kristian Eropah yang merintis jalan kepada mubaligh-mubaligh yang terkemudiannya dalam aktiviti pendakwahan agama Kristian Katolik di daerah Papar secara khususnya. Dalam bab ini juga akan menerangkan mengenai konsep Pendidikan Mubaligh yang dibawa oleh golongan mubaligh Kristian dan juga meliputi sejarah pembukaan Sekolah Mubaligh yang terawal di daerah Papar.

#### 2.1 Sejarah Pertapakan Agama Kristian di Sabah

Sejarah pertapakan agama Kristian di Sabah bermula dengan sejarah pertapakan orang Eropah di Asia Tenggara. Dalam hal ini pertapakan awalnya telah diterokai oleh Gereja Anglikan. Sebelum pertapakan orang Eropah dan agama Kristian, keadaan Negeri Sabah adalah dipenuhi dengan hutan rimba. Pada masa tersebut, kelihatan tahap kesihatan penduduk adalah rendah kerana mereka sering diserang penyakit seperti malaria, cirit-birit dan cacar dan kehidupan penduduk pribumi yang berbudaya pagan dan mengamalkan kepercayaan animisme juga sering dalam keadaan sentiasa mabuk. Keadaan ini telah menjadi gelanggang baharu kepada agama Kristian termasuk agama Islam untuk bertapak dan menyebarkan gerakan dakwah mereka di kalangan pribumi yang masih belum beragama di samping membantu membaiki tahap kesihatan dan kehidupan mereka.<sup>1</sup>

Mengikut catatan awal, Father Odoric iaitu seorang paderi Franciscan kemungkinan merupakan mubaligh yang pertama sampai di Borneo pada tahun 1332. Kemudian diikuti oleh mubaligh-mubaligh dari Portugal, Tistao de Araujo, Antonio Pereira, Father Ventimiglia dan lain-lain. Sebenarnya kedatangan mereka ke Borneo diatur oleh beberapa pertubuhan Kristian

<sup>1</sup> Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 55.

antarabangsa. Misalnya penghantaran Antonio Ventimiglia adalah atas arahan Theatine Mission dalam rangka penyebaran agama Kristian ke seluruh dunia. Hal ini pernah diakui sendiri oleh John Rooney:

*"...of more immediate concern to Borneo was the Theatine order, founded in 1524 by St. Cajetan, Gian Petro Caraffa (later Pope Paul IV), Paulo Chisleri and Bonifacio de Colli. The order was concerned originally with European missions and was closely associated with the Tridentine reform of Pope Pius IV".<sup>2</sup>*

Di Sabah, sebaik sahaja British North Borneo Chartered Company memperolehi kuasa dan hak untuk memerintah iaitu pada tahun 1881, badan-badan mubaligh Kristian mula bergiat mengembangkan agama mereka di kalangan penduduk tempatan khususnya penduduk yang berbangsa Kadazandusun. Dalam tempoh pemerintahannya, terdapat lebih kurang tiga puluh buah mazhab Kristian di Sabah. Walapun negeri Sabah dari segi saiz dan populasi penduduknya yang kecil, namun terdapat gereja hampir di setiap kampung. Kehadiran pelbagai mazhab aliran Kristian di Sabah menyebabkan para pendakwah agama Kristian berkeinginan untuk mendirikan gereja di seluruh Sabah supaya penduduk tempatan dapat menggunakan gereja dan mengamalkan ajaran Kristian sebagai asas dalam kehidupan mereka. Oleh disebabkan terlalu ghairah untuk mengkristiankan penduduk Sabah, ada di kalangan mubaligh yang mendakwah bahawa Sabah adalah nama lain bagi negeri Seba yang tercatat dalam Bible:

*"Sabah, Saba, Seba or Sheba are different spellings of the same word...there is biblical to the name in Psalm 72 V10".<sup>3</sup>*

Terdapat tiga kategori gereja mazhab yang terdapat di Sabah iaitu besar, sederhana dan kecil. Pengkategorian ini bukan berdasarkan pada saiz gereja tetapi pada sambutan penganut agama Kristian, jumlah penganut dan bilangan gereja bagi setiap gereja mazhab. Gereja Mazhab yang dikategorikan sebagai besar ialah Gereja Katolik, Gereja Protestan Sabah, Seventh Day Adventist, Sidang Injil Borneo, Gereja Basel Malaysia (BCCM), dan Gereja Anglikan Sabah.<sup>4</sup>

<sup>2</sup> Ismail Yusoff. 2004. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 48.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Gereja Anglikan di Pulau Borneo pada dahulunya dikenali sebagai *Society for the Propagation of the Gospel (S.P.G.)*.

Manakala gereja seperti Methodist, The True Jesus, Baptist, Sabah Evangelical Mission dan Grace Chapel dikategorikan sebagai sederhana. Gereja kategori kecil pula terdiri daripada Pelita Cahaya, Gerakan Perkhabaran, Christian Glory, Calvary Charismatic Centre, Full Gospel Tabernacle, Jehovah's Witness<sup>5</sup> dan Pantekosta<sup>6</sup>. Di samping itu, terdapat juga gereja kecil yang mengambil nama setempat seperti Gereja Kristian Likas dan Gereja Kota Kinabalu di Sabah. Kemunculan gereja kecil ini adalah disebabkan para penganutnya mahu bebas daripada mazhab yang mereka sedia anuti. Selain itu, para penganutnya berpeluang memilih para pendeta mereka sendiri dan bebas mengatur rancangan atau aktiviti gereja. Contohnya, kewujudan gereja Pantekosta adalah daripada gereja Pelita Cahaya.

Selain gereja mazhab Katolik dan Seventh Day Adventist, gereja mazhab yang lain adalah tergolong dalam Mazhab Protestan. Namun, ada pendapat yang mengatakan bahawa gereja Seventh Day Adventist dan The True Jesus dikenali sebagai gereja bukan dalam kumpulan gereja Protestan kerana kedua-dua gereja ini mengadakan 'kebaktian gereja' dan 'perkhidmatan gereja' mereka pada hari sabtu. Atas alasan inilah kedua-dua gereja ini tidak menjadi ahli gabungan dalam Majlis Gereja Agama Kristian Sabah dan hingga kini hanya gereja Katolik, Anglikan, BCCM, SIB, PCS, Baptis dan Methodist yang menjadi ahli gabungan Majlis ini.<sup>7</sup>

---

<sup>5</sup> Gereja Jehovah's Witness dipelopori oleh Charles Taze Russell (1852-1916), kelahiran Pittsburgh-Pennsylvania. Beliau menjadi Presiden gereja ini bagi tempoh 1879-1916. Markas gereja ini ialah di Bethel, Brooklyn-New York. Jehovah ialah nama Tuhan yang terdapat dalam Kitab Injil Lama, manakala Jehovah's Witness merupakan keahlian dalam agama Kristian yang mempercayai bahan semua yang tertulis dalam Kitab Injil adalah benar dan mereka tidak akan mengingkari prinsip yang termaktub dalam Kitab Injil.

<sup>6</sup> 'Pantekosta' lahir daripada gereja Calvary Charismatic pada awal abad ke-20 di California, Amerika Syarikat.

<sup>7</sup> Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 55.

## BIBLIOGRAFI

### Annual Report

*Annual Report North Borneo 1950.* 1951. *North Borneo: Government Printer, Jesselton.*

*Annual Report North Borneo 1952.* 1953. *North Borneo: Government Printing Department.*

*Annual Report North Borneo 1957.* 1958. *North Borneo: Government Printing Department.*

*Annual Report On The Education Department.* 1939. Secretariat File, No. 1084.

*British North Borneo Herald,* 16 October 1915.

*Colonial Report North Borneo 1949.* 1950. London: His Majesty's Stationery Office.

*Colonial Report North Borneo 1953.* 1954. London: His Majesty's Stationery Office.

*Sabah Annual Report 1963.* 1964. Sabah: Government Printing Department, Jesselton.

*The British North Borneo Herald.* 1 Nov 1897.

### Akhbar

Harian Mercu/Ahad. 19 Oktober 1997.

Sabah Times. 9 Disember 1963.

Sabah Times. 14 Disember 1963.

### Buku

Abu Zahari Abu Bakar. 1980. *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti. Sdn. Bhd.

Andaya, Barbara Watson & Andaya, Leonard Y. 1982. *A History of Malaysia.* London: Macmillan Press Ltd.

Faure, Edgar, et. al. 1978. *Pendidikan Seumur Hidup: Dunia Pendidikan Hari ini dan Hari Esok.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Ee, Ah Meng. 1998. *Pendidikan di Malaysia I: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti. Sdn. Bhd.
- Ghazali Basri. 1999. *Gerakan Kristian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hunt, Robert, et. al. 1992. *Christianity In Malaysia: A Denominational History*. Selangor Darul Ehsan: Pelanduk Publications.
- Ismail Abdul Rahman. 2000. *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusoff. 2004. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alaza, Leonard & Lasimbang, Rita. 2002. *Dapoz, MHM: Portrait of The Last Dinosaur*. Kota Kinabalu: Egret Books.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Peter, Phelan R. 2001. *Head-Hunting and The Magang Ceremony in Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo).
- Sabihah Osman & Md. Saffie b. Abdul Rahim. 2005. *Rencana Khas: "Sejarah Pendidikan di Sabah"*. Sabah: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Sabihah Osman. 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saedah Hj. Siraj, et. al. 1993. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Singh, D. S. Ranjit. 2000. *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamic of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sufean Hussine. 1993. *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Idrus Syed Ahmad R. Santhiram. 1990. *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tregonning, K. G. 1966. *Christianity-Sabah*. JMBRAS, Vol. XXXIX. Part I.

*Silver Jubilee of The Diocese of Kota Kinabalu 2002*. Kota Kinabalu: The Diocese Of Kota Kinabalu.

## Jurnal

Omar Bin Mohd. Hashim et. al. 1975. *The Teaching of English as a Foreign Language in Papar District: Jurnal Pendidikan Sabah 1975*. Sabah: Jabatan Pelajaran Sabah. 3: 71-74.

## Latihan Ilmiah

Sansalu, Dayu. 2002. *Pendidikan dan Proses Permodenan Masyarakat Peribumi Rumpun Dusun Bukan Islam di Sabah (1881-1967)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Hilladzirah@Hanni Bte Abd. Hamid. 1999. *Perkembangan Sekolah-sekolah di Jesselton (1880-1941)*. Kertas Kajian Jabatan Sejarah Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya.

Walter, Jacqueline Aidah. 1998. *Pengaruh Sistem Pendidikan Inggeris Terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan Di Sabah Sebelum Merdeka*. Kertas Kajian Institut Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Semarang: Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial.

Siti Noor Effezah Bte Mohammad Aslom. 2005. *Sejarah Perkembangan Pentadbiran British di Daerah Papar (1881-1942)*. Universiti Malaysia Sabah : Sekolah Sains Sosial. Hlm. 10.

Tan, Bee Guen. 2000. *Peranan Mubaligh Katolik dalam Bidang Pendidikan di Sabah 1881-1963*. Universiti Malaysia Sabah: Sekolah Sains Sosial.



## Majalah

*Astra Ulang Tahun Ke-30 SMJK. St. Joseph, Papar, Sabah 1953-1983.* Jilid 7. Koleksi Arkib Negeri Sabah.

*Astra Sekolah Menengah St. Joseph 1972.* Vol. 2. Koleksi Arkib Negeri Sabah.

*Astra Sekolah Menengah St. Joseph, Papar 1985-1986.* Jilid 8. Koleksi Arkib Negeri Sabah.

*Astra Sekolah Menengah St. Joseph, Papar Sesi 87/88.* Jilid 9. Koleksi Arkib Negeri Sabah.

*Astra Silver Jubilee 1953-1978.* Koleksi Arkib Negeri Sabah.

*Astra SMJK. St. Joseph, Papar, Sabah 1980.* Koleksi Arkib Negeri Sabah.

*Astra Special Edition Emerald and Silver Anniversaries 2007-2008.* Sekolah Menengah St. Joseph, Papar. Jilid XIX.

*Blessing of The New St. Joseph's Catholic Church Papar, Sabah* By Rt. Rev. Bishop John Lee Diocese of Kota Kinabalu. 26 August 1987.

*Buku Cenderamata Pembukaan Rasmi Bangunan Baru. SRJK St. Joseph, Papar.* 30hb April 1990.

*Jubli Perak Diosis Peringkat Paroki, Holy Rosary Church Limbahau Papar.* 7 Julai 2002.

*Jubli Perak Diosis Peringkat Paroki St. Joseph Papar.* 1 Mei 2002.

*Perayaan Jubli Perak Diosis Kota Kinabalu Peringkat Zon St. Patrick Kinuta, Papar.* 23 Jun 2002.

*Profil Sekolah Kebangsaan St. Joseph, Papar, Sabah.* 2009.

*Ulang Tahun ke 115 Tahun Mission Katolik St. Patrick Kinuta (Pakitab) Papar 1881-1996.* 28hb April 1996.



## **Responden yang ditemuramah**

Chong Pin Sun @ PinSun Bin Gibou. 50 tahun. SRK. St. Joseph, Papar (M). Peti Surat 298, 89608 Papar, Sabah. Penolong Kanan Pentadbiran, SRK. St. Joseph, Papar. "Sejarah Penubuhan Sekolah Rendah St. Joseph, Papar." 12 Januari 2009.

Father Joseph Dapoz. 89 tahun. Holy Family Residence Purak, Papar. Paderi. "Sejarah Kedatangan Agama Kristian di Daerah Papar." 6 November 2008.

Flory Victorinus. 48 tahun. Kampung Kinuta, Papar. Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) di Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Setiausaha Komuniti Umat Katolik. " Sejarah Perkembangan Agama Kristian di Daerah Papar dan Sejarah Penubuhan Sekolah Mission St. Patrik Kinuta, Papar." 11 Oktober 2008.

Julia Bogusel. 86 tahun. Kampung Kinuta, Papar. Surirumah. "Sejarah Perkembangan Sekolah Mission St. Patrick Kinuta, Papar." 6 November 2008.

Lucianus Ng. 57 tahun. Kampung Limbahau, Papar. Pembimbing Katekis Gereja Holy Rosary St. Mary, Papar. "Sosio-budaya Masyarakat dan Sejarah Agama Kristian di Daerah Papar." 28 Oktober 2008.

Martina Paulus. 89 tahun. Kampung Batu 30, Kimanis, Papar. Surirumah. "Sosio-ekonomi Penduduk Daerah Papar semasa zaman SBBUB." 1 Mac 2009.

Nyuk Lin. 49 tahun. Kampung Lakut, Papar. Surirumah. "Ekonomi Penduduk di Daerah Papar." 28 Mac 2009.

Regina Majakil Tendahal @ Noemi. 73 tahun. Gereja Holy Rosary, St. Mary Limbahau, Papar. Sister Gereja Holy Rosary, St. Mary Limbahau, Papar. "Sejarah Kedatangan Agama Kristian Roman Katolik di Daerah Papar." 28 Oktober 2008.

Richard Charles Patrick Young. 82 tahun. Kampung Buang Sayang, Papar. Bekas guru besar SRK. St. Joseph, Papar. "Sejarah Perkembangan Sekolah Rendah St. Joseph, Papar." 17 Januari 2009.

Thien Kui Hing. 49 tahun. Taman BPL, Papar, Sabah. Perniaga. "Sosio-ekonomi Masyarakat di Daerah Papar." 28 Mac 2009.

